

01 DEC 2000

Mahathir-Sugiu

KRITIKAN BUKAN TERHADAP SEMUA ORANG CINA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata teguran beliau terhadap beberapa pihak yang bertindak secara ekstremis tidak boleh dilihat sebagai kritikan terhadap keseluruhan kaum Cina atau Melayu.

Perdana Menteri berkata beliau hairan mengapa dirinya dikritik kerana menegur Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Sugiu) sedangkan beliau juga pernah menegur tindakan kumpulan pelampau Melayu seperti Al-Ma'unah.

"Saya harap orang Cina janganlah fikir, kalau saya tegur puak ekstremis, bermakna saya tegur semua. Kalau saya tegur puak Al-Ma'unah, takkan bermakna saya tegur semua orang Melayu...takkan saya marah semua orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan anggota MT Datuk Shahrir Samad di "Malaysiakini.com" semalam bahawa kritikan Dr Mahathir terhadap orang Cina merupakan antara punca kekalahan Barisan Nasional (BN) di Lunas.

Perdana Menteri berkata teguran beliau adalah kepada golongan tertentu dan bukan kepada semua masyarakat Cina.

Dr Mahathir berkata BN, khususnya MCA dan Gerakan, akan diminta meneruskan usaha penerangan dan penjelasan beberapa isu lain seperti Sekolah Wawasan kepada masyarakat Cina kerana isu itu telah digunakan oleh parti pembangkang pada pilihan raya Lunas untuk meraih undi kaum Cina.

Katanya langkah itu perlu supaya segelintir ekstremis pendidikan tidak terus mempengaruhi masyarakat Cina dengan isu berkenaan dan isu lain yang berkaitan dengan masyarakat Cina.

"Selepas ini, kita akan teruskan usaha buat penerangan supaya puak ekstremis ini tidak pengaruh orang-orang Cina yang hidup begitu aman dan damai (di negara ini)," kata beliau.

Beliau berkata MCA dan Gerakan mungkin gagal dalam usaha menyakinkan masyarakat Cina di Lunas bahawa Sekolah Wawasan yang ingin dilaksanakan itu sebenarnya memberikan kebaikan kepada semua kaum di negara ini.

"Mungkin di Lunas dia (MCA dan Gerakan) gagal...usaha itu tidak berjaya (untuk beri penerangan dan pengaruh masyarakat Cina)," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sikap ekstremis pendidikan Cina memang sejak dahulu lagi menjadi masalah kepada negara dan mereka sentiasa mendesak serta menghasut terutamanya semasa pilihan raya.

"Sejak dulu mereka (ekstremis pendidikan) jadi masalah kepada negara. Bila nak pilihan raya, mereka hasut dan mereka cuma nak `pressure'. Saya tak boleh terima ini.. `pressure' daripada kawan-kawan saya boleh terima tetapi daripada ekstremis ini, saya tak rela," kata beliau.

Dr Mahathir berkata orang Cina di negara ini menikmati banyak keuntungan daripada kemudahan yang disediakan kerajaan seperti menubuhkan sendiri sekolah Cina dan menggunakan bahasa mereka dengan bebas.

Menurutnya di negara lain seperti Amerika Syarikat dan England, sekolah Cina tidak wujud.

"Tapi Malaysia, kita bagi `Chinese school' dan boleh guna bahasa dia sendiri. Kita juga tidak cuba Islamkan orang Cina.

"Malah, tiada larangan dikenakan bagi kaum lain seperti Melayu yang ingin belajar di sekolah Cina," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masyarakat Cina patut berterima kasih dengan apa

yang telah diberikan oleh kerajaan kepada mereka dan kerajaan tidak pernah
mungkir janji.

-- BERNAMA

APG AR NAK